

Konsep Negara Berkeadilan Manifesto PAS Pada PRU-13
mStar Online
September 10, 2011
Oleh NURUL AIN MOHD HUSSAIN

KUALA LUMPUR: Konsep Negara Berkeadilan akan dijadikan sebagai manifesto rasmi PAS pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) kata Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Abdul Hadi berkata parti itu tidak gentar untuk menangkis sebarang bentuk serangan daripada Barisan Nasional (BN) yang didakwa menggunakan pelbagai taktik untuk mengekalkan kuasa mereka.

"Kita anjurkan 'Konvensyen Negara Berkeadilan' yang merupakan tema muktamar untuk dipanjangkan bagi menghadapi pilihan raya umum.

"Ini menunjukkan PAS bersungguh-sungguh untuk menghadapi pilihan raya umum walaupun kita dibayangi maklumat yang mendukacitakan di mana ada perancangan untuk melakukan penipuan yang lebih besar pada pilihan raya umum akan datang," katanya pada sidang media selepas merasmikan 'Konvensyen Negara Berkeadilan' di Markas Tarbiyah PAS di Taman Melewar, Gombak pada Sabtu.

Turut hadir pada sidang media tersebut ialah Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali dan Ketua Penerangannya, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man.

Mengulas lanjut, Abdul Hadi yang juga Ahli Parlimen Marang turut mendakwa BN sengaja membangkitkan isu-isu yang boleh menimbulkan kemarahan rakyat bagi membuatkan mereka lupa tentang usaha mengembalikan demokrasi di negara ini.

"Mereka nak tutup isu penipuan pilihan raya dengan isu-isu yang sengaja dibangkitkan untuk menggelegakkan perasaan rakyat supaya lupa isu sebenar iaitu untuk menghidupkan dan memulihkan proses demokrasi," katanya.

Justeru, beliau menggesa kerajaan tidak menggunakan 'gula-gula politik' yang bersifat sementara kerana ia tidak akan mampu menyelesaikan masalah sedia ada.

"PAS menasihatkan kerajaan jangan menggunakan 'gula-gula' sementara kepada rakyat untuk menghentikan tangisan. Bila habis gula-gula, kita ditipu lagi, lepas itu sambung lagi, tak selesai masalah.

"Oleh itu, kerajaan mesti sungguh-sungguh menyelamatkan negara dengan menghidupkan demokrasi sebenar dan PAS sungguh-sungguh nak masuk pilihan raya," tegasnya.

Jelasnya, konvensyen yang diadakan itu akan menggerakkan jentera parti khususnya penerangan parti bagi menyalurkan maklumat mengenai konsep negara berkeadilan kepada rakyat.

"PAS gerakkan jentera parti di seluruh negara pada hari ini supaya membawa mesej konsep negara berkeadilan yang kita nak kenalkan kepada rakyat yang diselaraskan bersama Pakatan Rakyat.

"Kita mahu jentera parti dapat memahami hasrat dan konsep negara kebajikan supaya ia dapat disampaikan secara jelas kepada rakyat," katanya.

Konvensyen anjuran Lajnah Penerangan PAS tersebut melibatkan seluruh jentera penerangan dari setiap negeri.

Dalam perkembangan lain, mengenai pembahagian kerusi PAS dan Pakatan Rakyat menjelang PRU13, Abdul Hadi berkata beliau menyerahkan perkara tersebut kepada pimpinan parti di peringkat negeri untuk menentukannya.

"Mengenai penambahan kerusi PAS pun kita serahkan kepada perbincangan antara kepimpinan PAS untuk berbincang dan pimpinan Pakatan Rakyat di negeri masing-masing.

"Setakat ini kita belum dapat apa-apa maklumat daripada mereka mengenai pembahagian kerusi tersebut," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/9/10/mstar_berita/20110910143532&sec=mstar_berita